

**ONLINE DENGAN TUHAN**, oleh Zulkifli Khair. 2009. PTS Islamika: Selangor. Halaman . ISBN 978-967-5137-37-2.

Pengulas telah membaca buku ini sembilan tahun yang lalu ketika ia baru dilancarkan dan menjadi antara buku yang laris di pasaran pada ketika itu. Apa yang lebih menarik, buku ini ditulis oleh seorang pensyarah di sebuah universiti terkenal di selatan tanah air. Sebelum mengulas isi kandungan buku ini, elok juga pengulas memperkenalkan latar belakang penulis. Beliau merupakan pensyarah kanan di Fakulti Pengurusan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Seperti yang tercatat di bahagian kulit belakang buku tersebut, beliau juga adalah jurulatih sambilan penulisan kreatif di UTM. Selain bergiat aktif sebagai penulis bebas, beliau juga berpengalaman mengendalikan bengkel dalam bidang motivasi dan pembangunan insan.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Pendidikan di Universiti Sains Malaysia, Sarjana Pendidikan dan Pembangunan di Universiti Teknologi Malaysia dan Doktor Falsafah di universiti yang sama. Apa yang lebih menarik, bersama penerbit yang sama PTS Islamika, beliau juga ada menulis tentang haji dan umrah dalam beberapa buku beliau yang bertajuk 501 Soal Jawab tentang Haji dan Umrah, Yang OK dan KO dalam ibadah Haji dan Umrah dan lain-lain. Berdasarkan biodata beliau ini, pengulas dapat merumuskan bahawa beliau bukan sahaja pakar dalam bidang beliau iaitu pengurusan dan pembangunan tetapi beliau juga mahir dalam bidang pemikiran Islam.

Naskhah Online dengan Tuhan ini adalah salah satu hasil tulisan beliau yang sangat kreatif dan kritis dalam menegur salah faham dan fikir manusia khususnya Muslim. Kenapa pengulas mahu mengulas buku ini? Ia adalah kerana penulis mengaitkan teknologi maklumat dalam hampir setiap ayat-ayat penulisan beliau yang mana teknologi maklumat adalah bidang pengulas. Secara asasnya, buku ini mengandungi 33 bab yang mana setiap bab didatangkan dengan fakta-fakta ringkas dan penting yang pasti menjentik pembaca.

Dalam bab pertama, penulis menerangkan kehebatan Allah yang menciptakan segala makhluk di atas muka bumi. Internet yang dibangunkan manusia adalah makhluk. Manusia itu sendiri juga adalah makhluk. Maka, penulis menegur sikap manusia yang mudah terpegun dengan ciptaan manusia lain sehingga lupa akan pencipta sebenar iaitu Allah, Tuhan Maha Pencipta. Begitu juga dalam bab berikutnya, penulis mengagungkan Allah dalam tulisan beliau dengan memberitahu bahawa Allah menurunkan nabi-nabi ke atas muka bumi dan berkomunikasi dengan mereka tanpa sebarang alat komunikasi tanpa terhad dan geografi malah ia sampai ke langit tanpa sebarang gangguan.

Dalam bab seterusnya, penulis menceritakan tentang kitab agung suci Al Quran yang mana penulis mengaitkan dengan '*Internet Browser*' atau enjin pencari di dalam Bahasa Melayu. Al-Quran bukanlah enjin pencari malah Al Quran jauh lebih hebat dari itu. Al Quran ialah petunjuk dan pedoman. Ia menjentik pengulas yang mana kita selalu berbangga dengan penciptaan enjin-enjin pencari yang canggih dan laju tetapi lupa bahawa Al Quran bukan sahaja memberikan apa yang kita cari malah menjadikan manusia yang mentaddaburnya

sentiasa dekat dengan Allah. Membaca al-Quran sahaja tanpa memahami maksud sudah memberi manusia ketenangan apatah lagi jika manusia itu memahami. Itu lah mukjizat Al Quran. Dalam sebuah hadis sahih, Nabi Muhammad saw bersabda yang bermaksud “Bacalah oleh kalian al-Quran kerana ia akan datang pada hari kiamat kelak sebagai pemberi syafaat bagi orang-orang yang rajin membacanya. (HR. Muslim 804)

Dalam bab empat dan lima, penulis menyentuh tentang nikmat-nikmat yang Allah telah kurniakan kepada seluruh umat manusia. Nikmat-nikmat seperti nikmat udara yang mana terkandung di dalamnya oksigen yang membolehkan kita bernafas melaluinya dan juga nikmat graviti yang membolehkan manusia dapat bergerak dengan stabil dipilih penulis untuk menegur sikap manusia yang sering alpa dan tidak bersyukur dengan segala nikmat yang Allah kurniakan tanpa mengenakan sebarang bayaran. Begitu juga, kekuasaan Allah menghidupkan dan mematikan semua makhluk di muka bumi. Beliau juga menyentuh beberapa kisah seperti kisah Ashabul kahfi yang popular, kisah Nabi Ibrahim dan empat ekor burung serta kisah Nabi Isa yang ‘menghidupkan’ yang sudah mati. Semuanya berlaku dengan kehendak dan kekuasaan Allah. Di dua perenggan terakhir bab lima, beliau juga membidas kepercayaan yang menyatakan manusia yang mati akan dibangkitkan kembali pada kehidupan lain sebagai makhluk atau individu berbeza dengan menyatakan “*manusia tidak dihidupkan kembali sebagai kucing jinak ataupun ular berbisa liar. Sebaliknya, dia dihidupkan sebagai dirinya yang asal*”.

Dalam bab enam dan tujuh, pengulas amat tertarik dengan penegasan yang dibuat penulis bagi membidas pengiktirafan yang mengatakan bahawa Uzair dan Isa adalah anak Tuhan. Pengiktirafan sesat ini bukanlah perkara baru. Ia sudah dilakukan lama dulu oleh orang Yahudi dan Kristian. Pengulas berpendapat, salah faham ini diterangkan dengan bahasa yang lebih mudah dengan pemilihan ayat yang lebih ringkas dan tegas oleh penulis. Penulis juga menggunakan kaedah menyoal kembali supaya ia dapat menjentik pembaca. Ia boleh dilihat dalam perenggan ketiga bab enam. Kaedah ini diulang kembali dalam bab tujuh bagi menafikan pengiktirafan yang dibuat orang Kristian yang mengatakan Tuhan mempunyai anak.

Dalam dua bab seterusnya, penulis menyentuh perihal Yahudi dan Zionis serta perbezaan mengenai keduanya. Tajuk bab lapan ini iaitu ‘Bukan Semua Yahudi Jahat’ agak mengejutkan bagi pengulas. Pengulas dan kebanyakan orang di luar sana, sememangnya maklum bahawa sejak zaman Rasulullah lagi, orang Yahudi sering membuat onar dengan sikap mereka yang bermuka-muka dan suka mengambil kesempatan. Namun, dalam penulisan beliau, penulis menerangkan Yahudi terbahagi kepada dua kelompok iaitu Sephardim (20%) dan Ashkenazim (80%). Beliau menerangkan lagi bahawa kelompok Sephardim adalah keturunan Bani Israel bersambung susur galurnya dari Nabi Yaakub. Ashkenazim pula adalah dari keturunan Khazaria yang diyahudikan. Manakala, zionisme pula adalah aliran politik yang mustahak dan menjadi asas kepada penubuhan negara Israel. Sudah tentulah, zionis adalah kumpulan yang mendukung dan menyokong fahaman ini. Apa yang paling penting dalam penerangan beliau ialah bukan semua yahudi menyokong zionisme dan penubuhan negara haram Israel. Ada di kalangan Zionis adalah kelompok

Kristian. Penulis juga menyatakan dua hujah penting bagi menyokong pendapat beliau ‘Bukan Semua Yahudi Jahat’.

Bab sepuluh yang bertajuk *Apabila Modem Dipanah Petir*, penulis menceritakan tentang modem beliau yang sudah dua kali di panah petir. Menarik tentang bab ini ialah penulis mengambil ibrah dari kejadian modem terbakar itu dengan menceritakan tentang kehebatan petir yang penting bagi menyeimbangkan cas-cas di bumi yang juga boleh meragut nyawa makhluk-makhluk Allah yang lain termasuk manusia. Terang beliau lagi, panahan petir mempunyai nilai voltan yang tinggi menjangkau sehingga 300 juta volt (V) walhal modem hanya memerlukan 20 V sahaja untuk berfungsi. Ini menyebabkan modem yang dipanah petir hakikatnya dipaksa untuk menerima voltan sehingga puluhan juta voltan. Penulis dalam penerangan beliau menyatakan dua pengajaran berkaitan modem yang dipanah petir. Pengulas meringkaskannya seperti berikut:

1. Modem serta alat perkakasan teknologi maklumat dan komunikasi yang canggih tetap terhad keupayaannya.
2. Tuhan maha berkuasa menghidup dan mematikan sesuatu yang bernyawa dan tidak bernyawa termasuk alat perkakasan komunikasi yang tidak bernyawa.

Dalam bab berikutnya, pengulas tertarik dengan gaya penulisan penulis yang menyindir sikap manusia di zaman teknologi yang bermudah-mudah dengan perkara ibadah. Terang penulis, manusia di zaman global ini menganggap urusan ibadah seperti solat dan aurat adalah perkara remeh yang merencatkan kemajuan sesebuah negara. Pengulas sangat bersetuju dengan penegasan yang dibuat penulis dalam isu ini kerana manusia yang bersikap demikian sangat ramai. Penulis memberi contoh peristiwa yang menimpa beliau ketika menaiki bas dalam perjalanan ke satu tempat di mana pemandu bas yang juga seorang Muslim enggan berhenti di kawasan rehat dan rawat bagi membolehkan beliau menunaikan solat dengan mengatakan solat itu boleh *diqada* sahaja. Namun begitu akur dengan permintaan seorang lelaki berbangsa Cina yang ingin ke tandas. Hakikatnya, pengulas juga pernah melalui peristiwa yang hampir serupa.

Penulis seterusnya memberi amaran keras dalam penggunaan Internet dalam bab yang bertajuk *Macam-macam Ada dalam Internet*. Internet seperti yang kita ketahui ialah tempat segala maklumat boleh dicari, dibaca, dilihat, didengar dan dimuat turun dengan mudah. Dengan kata lain, segala maklumat yang ada di internet mungkin benar dan mungkin juga salah serta palsu. Lebih teruk ia mungkin fitnah untuk menjatuhkan manusia atau kumpulan tertentu. Bahkan maklumat tentang Islam juga boleh ditokok tambah dan diada-adakan demi membenarkan tindakan. Sebagai contoh yang diketengahkan penulis ialah kewujudan begitu banyak hadis-hadis palsu. Penulis juga mencadangkan beberapa laman web yang dipercayai seperti [altafsir.com](http://altafsir.com), [alMuhaddith.com](http://alMuhaddith.com), [al-islam.com](http://al-islam.com) dan lain-lain.

Penggunaan internet juga sering disalah guna oleh kebanyakan manusia terutama remaja dengan melayari laman web lucah atau porno yang merosakkan minda dan tingkah laku. Isu ini diterangkan dalam bab *Katakan ‘Tak Nak’ untuk Porno* yang mana beliau memetik satu

hadis yang direkodkan oleh at-Tabrani yang bermaksud “ *Tiga manusia yang matanya tidak akan melihat api neraka; mata yang sentiasa berjaga di medan perang, mata yang sentiasa menangis kerana takutkan Allah dan mata yang menahan penglihatannya terhadap larangan Allah.*”

Penulis memberi peringatan lagi dalam bab berikutnya berkenaan internet bahawa setiap apa yang dikerjakan di dunia akan disoal dan dihitung termasuk menjadi saksi di Hari Akhirat seperti yang termaktub dalam *surah Yasin* yang sering dibaca. Dalam bab lima belas hingga bab dua puluh penulis masih menyentuh perihal internet. Pengulas berpendapat, penggunaan internet yang mudah terdedah kepada pelbagai risiko kerosakan institusi masyarakat menjadikan penulis sangat bersungguh-sungguh dalam menerangkan cara penggunaan berpandukan syarak seperti memberi salam dan mengucapkan terima kasih di setiap kali berkomunikasi melalui e-mel, SMS dan lain-lain platform media sosial yang belum atau baru wujud ketika buku ini dilancarkan. Penulis juga menegur sikap manusia yang ‘Hantu Internet’ supaya mengawal masa penggunaan internet demi kebahagiaan dan keharmonian hubungan kekeluargaan. Bukan itu sahaja, ketagihan menggunakan internet juga boleh menyebabkan tuntutan ibadah dan kehidupan terabai. Bahaya internet ini digelar ‘Dajal Kecil’ oleh penulis dalam bab *‘Internet sebagai Media Dajal’*. Anggapan Dajal ini bermaksud penggunaan internet yang dapat merosak dan menyesatkan manusia. Walau bagaimanapun, penulis tidak menafikan kebaikan internet yang banyak jika digunakan dengan baik dan berkesan seperti menyebarkan dakwah kepada orang bukan Islam melalui komunikasi media sosial. Selain dapat mengeratkan silaturahim, internet juga mampu berperanan sebagai medan untuk bermesyuarat dan berbincang mengenai isu-isu semasa.

Penulis seterusnya mencadangkan dua laman web terkenal untuk diteliti iaitu Muslimheritage.com dan Harunyahya.org. Laman web Muslimheritage.com ialah sebuah laman web untuk pencinta tamadun Islam. Penulis menerangkan lagi, dalam laman web yang pernah menggondol anugerah BAFTA, iaitu satu anugerah media berprestij di Britain, mampu memberikan hujah sokongan bagi beberapa fakta seperti Ibn al-Nafis adalah individu lebih awal menemukan pengaliran darah berbanding William Harvey dan Ibn Bajjah adalah individu lebih awal berbanding Galileo yang menemukan tarikan graviti. Manakala laman web Harunyahya.org pula laman web yang mencabar teori Darwin. Laman web yang dinamakan sempena penulis buku tersohor dari Tukri, Harun Yahya atau nama sebenar beliau Adnan Oktar ini boleh dibaca dalam 30 bahasa! Malah laman web ini turut menyediakan pelbagai perkhidmatan lain seperti artikel, buku audio, video dan sebagainya yang boleh dimuat turun. Pengulas amat kagum dengan usaha yang dibuat agar ia dapat dicapai oleh jutaan manusia. Ini lah usaha dakwah yang harus disokong dan disebarkan.

Dalam bab dua puluh satu dan dua puluh dua pula, penulis menerangkan tentang kepentingan menjaga pemakanan kerana ia mempengaruhi personaliti. Penulis menerangkan penekanan oleh Imam al-Ghazali, makanan dapat mempengaruhi perangai individu dan ia bermula dari rumah. Penulis menambah dalam tulisan beliau bahawa anak-anak perlu dididik ibu bapa memakan makanan yang halal dan baik sejak kecil. Begitu juga guru dan pemimpin. Duit dari hasil riba, rasuah atau hasil rompakkan untuk membeli makanan yang halal dan baik tidak

akan menjadikan ia baik dan suci di sisi Islam. Pendek kata, punca pendapatan untuk membeli makan juga harus dijaga agar tidak menjadi darah daging. Selain dari itu, penulis memberi penegasan berkenaan harta anak yatim yang haram diambil dan disalah guna.

Sekali lagi dalam bab dua puluh tiga hingga bab dua puluh tujuh, penulis memberi penekanan mengenai aspek hubungan dengan Allah melalui ibadah solat dan bagaimana manusia boleh terus menjaga rasa cinta kepada Allah dengan berdoa dan berzikir. Kemudian penulis menyentuh berkenaan ibadah haji yang dikerjakan Michael Wolfe selepas memeluk Islam. Berasal dari Amerika Syarikat, beliau yang juga penulis buku *The Hadj: An American's Pilgrimage to Mecca* turut menguasai Kristian dan Judaisme. Beliau dalam buku yang mengandungi 21 bab itu menceritakan pengalaman peribadi sepanjang mengerjakan haji buat kali pertama. Apa yang menarik perhatian pengulas, beliau juga membuat kompilasi pengalaman haji dari tokoh-tokoh lain seperti Ibn Battutah, Muhammad Asad, Malik Asy-Syabaz yang juga dikenali sebagai Malcolm dan lain-lain tokoh dalam buku tulisan beliau bertajuk *One Thousand Roads to Mecca: Ten Centuries of Travelers Writing about the Muslim Pilgrimage*. Tokoh-tokoh yang beliau masukkan kebanyakannya tidak dilahirkan sebagai Muslim.

Dalam bab dua puluh lapan, pengulas diheret dengan persoalan yang menjadi tajuk pilihan penulis, iaitu *Ayahku Penjenayah, Bagaimana Diriku?* Sebelum membaca bab ini, pengulas teringat lagu *Iman adalah Mutiara* oleh kumpulan Raihan yang mana dalam lagu itu ada disebut dalam rangkap korusnya yang berbunyi “iman tak dapat diwarisi, dari seorang ayah yang bertaqwa”. Penulis dalam bab ini menceritakan tentang Abu Jahal yang menentang kuat Islam dan Nabi Muhammad. Namun, Allah mengurniakan Abu Jahal seorang anak yang beriman dan salah seorang ahli syurga iaitu Ikrimah bin Abu Jahal. Dalam bab ini juga, pengulas seakan-akan membaca buku fiqh sirah atau kitab sirah nabawiyah di mana penulis menyentuh perihal pembukaan Kota Makkah. Dalam peristiwa pembukaan yang agung itu, Ikrimah yang belum memeluk Islam ketika itu, hampir melarikan diri selepas melihat bapanya Abu Jahal dibunuh ketika Perang Badar. Namun, Ikrimah dipujuk bekas isterinya yang juga seorang Muslim supaya tidak melarikan diri dan beriman kepada Allah. Ikrimah akur dan meminta nabi berdoa untuknya supaya Allah mengampunkan segala dosa, dendam, benci dan permusuhannya kepada Islam. Ikrimah mahu mendengar sendiri doa nabi terhadapnya. Penulis menyelitkan doa itu dalam bab ini, yang membawa kepada Islamnya Ikrimah.

Dalam dua bab berikutnya pula, penulis berkongsi tentang kebahagiaan menurut dua tokoh terkemuka, iaitu Hamka dan Dr. Aidh al-Qarni. Penulis dalam berkongsi cerita tentang bahagia ini, menceritakan pengalaman beliau di Indonesia selepas 100 tahun kelahiran Buya Hamka pada Februari 2008. Penulis menerangkan lagi, konsep kebahagiaan dijelaskan panjang lebar di dalam sebuah karya agung Pak Hamka yang berjudul *Tasawuf Moden* yang diterbitkan pada 1939. Konsep kebahagiaan menjadi tema utama dalam buku itu. Dalam buku *La Tahzan* atau *Jangan Bersedih* tulisan Dr. Aidh al-Qarni pula menceritakan penghargaan yang tinggi diberikan kepada kaum hawa. Dalam buku itu, penulis memberitahu bahawa al-Qarni memujuk kaum wanita dengan kata-kata yang puitis dan cerita motivasi yang

membuatkan kaum wanita menjadi kuat untuk meneruskan kehidupan walaupun berdepan kesukaran.

Pengulas amat tersentuh dengan perkongsian penulis dalam bab tiga puluh satu bertajuk *Apabila Rasa Susah, Ramai Yang Lebih Susah*. Pada satu masa ketika penulis berada di UK ditimpa musibah di mana belakang kereta penulis pecah dan terpaksa diganti dengan satu pintu kereta jenis wagon yang berwarna biru sedangkan kereta penulis berwarna merah. Tidak lama selepas itu, tingkap yang sama pecah lagi dan penulis merasakan ia pecah kerana dibaling batu. Sejurus itu, penulis membuat tempahan pintu belakang kereta dengan harga yang lebih mahal. Penulis berasa marah, kecewa dan sedih dengan kejadian itu. Penulis kemudian tersentak dengan peristiwa yang lebih menyayat hati dan mengejutkan masyarakat Malaysia di Manchester ketika itu. Berita kematian anak bongsu perempuan pasangan Malaysia membuatkan penulis rasa terpukul. Lebih menyedihkan, bayi yang dilahirkan di Manchester adalah satu-satunya anak perempuan pasangan itu yang turut mempunyai dua anak lelaki. Peristiwa itu membuatkan penulis bermuhasabah terhadap diri beliau sendiri.

Bab tiga puluh tiga pula menerangkan berkenaan amar makruf dan nahi mungkar. Pengulas bersetuju dengan pandangan penulis bahawa dalam dunia tanpa sempadan ini, manusia memilih untuk mengajak membuat kejahatan dan mencegah kebaikan. Penulis menekankan kepentingan dakwah dan ia perlu dilakukan berterusan. Penulis juga menekankan tentang dakwah bil hal atau dakwah melalui teladan yang baik kerana itu akan memberi kesenangan kepada orang yang didakwah. Malah, ia memungkinkan orang bukan Islam untuk mendekati Islam kerana akhlak yang baik dan terpuji yang ditonjolkan. Bukankah itu yang dilakukan Nabi Muhammad?

Dalam bab terakhir buku ini, penulis menutupnya dengan sembilan huruf yang memberikan kekuatan iaitu MUJAHADAH. Ia bermaksud perjuangan dan pengorbanan. Menurut penulis, mujahadah bukan perkara yang mudah untuk dilakukan. Menurut Sayid Qutb yang dikongsikan penulis, hakikat iman tidak tertanam kukuh dalam hati sehingga adanya mujahadah kerana iman. Penulis juga berkongsi beberapa kisah mujahadah yang agung seperti kisah keluarga Yasir dan Sumaiyah yang mati dibunuh demi mempertahankan iman. Sayidina Umar al-Khattab juga bermujahadah meninggalkan tabiat buruk ketika zaman jahilliahnya.

Secara keseluruhannya, pengulas merumuskan bahawa penulis buku *Online Dengan Tuhan*, Dr. Zulkifli Khair berjaya dalam penulisan beliau dalam menyentuh banyak perkara yang pada hakikatnya bersangkutan paut dengan kehidupan manusia secara khususnya kepada orang Islam. Teguran beliau untuk membetulkan salah faham dan fikir manusia pada pengulas sangat mustahak supaya manusia dapat hidup dalam keadaan ter pimpin dan terpelihara mengikut syariat yang telah ditetapkan. Cara penulisan yang ringkas dan tegas pada setiap bab menjadikan ia kekal dalam ingatan seolah-olah memukul pengulas yang serba lemah ini.

**Muhamad Adham Bin Hambali**  
Pusat Pengajian Teras,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.